

21 NOV 1997

FIRMA IT TERKEMUKA KANADA AKAN DITEMPATKAN DI MSC

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Insentif pelaburan mesra teknologi maklumat dan kawal selia Malaysia telah menarik minat beberapa syarikat Kanada untuk menempatkan operasi mereka dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), demikian diumumkan hari ini.

Pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, yang sedang berada di Ottawa, berkata dua syarikat Kanada telahpun memohon bagi mendapatkan taraf MSC.

Katanya lebih 1,000 syarikat telahpun melahirkan minat untuk menyertai koridor tersebut dan lebih 160 syarikat telahpun mengemukakan permohonan mereka bagi mendapatkan pentauliahian atau taraf MSC.

Dr Othman adalah antara perwakilan Malaysia yang sedang dalam lawatan selama dua hari ke Ottawa untuk memperkenalkan MSC kepada masyarakat teknologi tinggi Kanada. Kenyataan beliau telah dikeluarkan di sini hari ini.

Dalam lawatan itu, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah berucap pada satu persidangan pelabur bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Persidangan itu telah dihadiri oleh hampir 300 syarikat IT/Multimedia dan syarikat telekomunikasi Kanada.

Dr Othman berkata: "Kita menyedari hakikat bahawa Kanada mempunyai kepakaran yang termasyhur di seluruh dunia dalam beberapa bidang, terutama dalam bidang komunikasi.

"Kita tahu Kanada menjadi peneraju teknologi optik gentian dan membekalkan kabel dasar laut yang pertama dari Eropah ke New Foundland," tambah beliau.

MSC, koridor sepanjang 15 x 50 km yang tertakluk kepada undang-undang siber, dasar dan amalan khusus akan menawarkan rangkaian multimedia 2.5-10 Gigabit sesaat melalui kabel optik gentian tegangan tinggi, yang membolehkan syarikat-syarikat yang beroperasi memanfaatkan potensi multimedia sepenuhnya.

Beliau menambah kata Kanada juga terkenal dengan institusi latihan terbaik di dunia dan industri kecil dan sederhana (IKS) yang banyak.

"Kami berharap misi ini akan menghasilkan perkongsian bijak antara IKS Malaysia dan rakan mereka di Kanada serta mewujudkan situasi "sama menang" bagi kedua-dua negara." katanya.

Dr Othman juga mengumumkan bahawa Newbridge Networks, sebuah anak syarikat milik penuh Newbridge Networks Corporation dari Kanada baru sahaja diberikan pentauliahian MSC, manakala ITV. Net dari Vancouver, rakan usaha sama Manis Coco Sdn Bhd, terbabit dalam penyiaran "secara langsung" peristiwa serta teknologi dan program pendidikan jarak jauh melalui Internet hari ini. -- BERNAMA

RIZ KY MA